

Kerja korek pasir dijalankan

Nelayan Jeti Parit Tiga, Sungai Burong tarik nafas lega, masalah selesai

TANJONG KARANG
- Nelayan di Jeti Parit Tiga, Sungai Burong, di sini akhirnya boleh menarik nafas lega apabila kerja mengorek pasir di kawasan kunci air dijalankan seperti yang dijanjikan bermula petang kelmarin.

Aktiviti mengorek pasir menggunakan dua jengkaut itu sekali gus menyelesaikan masalah kunci air baru yang gagal berfungsi akibat ditimbus pasir sejak tiga bulan lalu.

Ketua Jeti Parit Tiga Sungai Burong, Sulaiman Sukor, 67, berkata, rata-rata nelayan di situ gembira dan berharap kerja itu dapat dibuat dengan sempurna sehingga berjaya.

Menurutnya, dia tidak pasti sampai mana jarak jengkaut itu akan mengorek pasir kerana tidak dimaklumkan mana-mana pihak.

"Saya difahamkan nelayan hanya diminta mengalihkan sampan yang diletakkan di kawasan benteng pasir berhampiran kunci air yang baru itu untuk memudahkan kerja mengorek pasir," katanya.

Katanya, nelayan di situ

juga mahu agar sungai yang ada turut didalamkan berikutan ia cetak dan menyusahkan nelayan turun ke laut.

Nelayan, Roslan Yunus, 52, berkata, nelayan sememangnya memerlukan benteng sementara itu kerana dapat mengelakkan fenomena pasir luar biasa yang kerap berlaku di kawasan itu.

Menurutnya, dengan adanya benteng itu, kunci air yang baru tidak akan tertimbus lagi dan membantu mengalirkan air keluar serta masuk sambil bergantung dengan kunci air yang lama.

"Malah kami juga permohonan agar kerja mengorek pasir itu dapat diluaskan kira-kira 12 meter dari jeti bagi memudahkan laluan sungai didalamkan tanpa perlu kerja dua, tiga kali," katanya.

Sementara Ismail Roslan, 42, berkata, janji pihak berkenaan untuk membantu menjalankan kerja mengorek pasir akhirnya dapat ditunaikan dan berharap kerja berjalan dengan baik seperti dijadualkan.

"Kita tidak mahu kerja di-



Kerja mengorek pasir giat dijalankan di kawasan Jeti Parit Tiga, Sungai Burong.

buat secara tergesa-gesa dalam tempoh masa yang singkat tetapi hasilnya tidak menjadi.

"Saya difahamkan kerja mengorek pasir dijalankan terlebih dahulu sebelum pembinaan benteng dibuat berperingkat," katanya.

Sebelum ini, isu kunci air baru di jeti berkenaan menja-

di perbualan nelayan setempat apabila pihak berkaitan tampil memberi jaminan untuk membantu memulihkan keadaan termasuk membina benteng sementara dengan peruntukan kecemasan.

Sahih atau tidak jaminan itu hanya dapat dibuktikan dengan adanya kerja

pembinaan benteng sementara, namun projek kecil itu sehingga kini masih belum dilaksanakan kerana berkeungkinan menunggu peruntukan atau dalam proses lantikan kontraktor.

Bagaimanapun Pengurus Besar Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Kuala

Selangor, Thazali Sahri menjelaskan, nelayan di kawasan itu tidak perlu bimbang kerana kerja kecil pembinaan benteng sementara akan dilaksanakan dalam masa terdekat.

Menurutnya, PNK Kuala Selangor bekerjasama dengan Pengurusan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor diketuai Eliyas Saad menjalankan kerja pembinaan benteng sementara bagi membantu memudahkan nelayan.

"Untuk makluman, kita masih dalam proses rundingan dan perbincangan dengan beberapa agensi berkaitan bagi memulihkan benteng sedia ada kerana ketiadaan benteng yang kukuh dilihat menjadi salah satu punca pintu kunci air tertimbus dengan pasir.

"Bukan mahu melengahkan kerja, tetapi kita kena ikut prosedur ditetapkan meskipun peruntukan kecemasan disediakan IADA Barat Laut," katanya ketika diminta mengulas kelewatan kerja pembinaan benteng sementara yang dijanjikan.